

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN IGNATIUS DORELL
LEIKING [PENAMPANG]**

TARIKH : 18 MEI 2016

SOALAN :

YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan terperinci jumlah peruntukan yang diberikan kepada setiap Ahli-Ahli Parlimen yang mewakili Kerajaan setiap tahun dan mengapa Ahli-Ahli Pembangkang tidak diberi peruntukan yang sama.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada setiap tahun di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri telah menyediakan peruntukan bagi setiap kawasan Parlimen dengan kadar RM0.3 juta sehingga RM1.5 juta. Peruntukan yang disediakan ini adalah bagi pelaksanaan pelbagai program/projek kecil dan pembekalan yang merupakan *complement* dan *supplement* bagi projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun.

Pengurusan peruntukan dan pelaksanaan program/projek ini di kawasan-kawasan Parlimen berkenaan adalah diselaraskan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan/ Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri berdasarkan kepada keperluan dan keutamaan.

Sekian, terima kasih.